

CNS6503

U GB 16-08 00204 BH723

bah

PERDANA MENTERI ENGGAN JUMPA KIT SIANG KERANA SIKAP DAP JELAS

Mahathir - DAP

ALOR SETAR, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak perlu berjumpa Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang untuk berbincang mengenai dakwaannya semalam bahawa DAP sebuah parti yang tidak suka kepada agama Islam.

Bagaimanapun, Perdana Menteri membayangkan bahawa adalah memadai sekiranya ketua pembangkang itu menulis surat kepadanya.

Katanya, tiada gunanya beliau berjumpa Kit Siang kerana sikap parti itu sudah terang dan jelas.

+Saya tak pernah dengar pun dia komplen kalau orang Cina meninggalkan agama Taoist- atau Buddha tetapi kalau orang Cina menerima Islam, dia rajin bukan main mencari orang itu dan menghasutnya supaya meninggalkan Islam,+ katanya kepada pemberita di sini sebagai mengulas kenyataan Kit Siang di Ipoh hari ini mengenai kesediaannya berjumpa Dr Mahathir.

Lim berkata beliau akan menulis surat kepada Dr Mahathir bagi menetapkan temujanji esok.

Perdana Menteri memberitahu pemberita demikian di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini setibanya dari Kuala Lumpur petang ini untuk menghadiri majlis perkahwinan anak lelaki Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Aroff di kediaman rasmi Menteri Besar di Menteloon, di sini malam ini.

-- Lagi

♥16/08/18-13MST

CNS6506

U GB 16-08 00122 BH724

Bah

Mahathir - DAP 2 Alor Setar

+Semua orang tahu, bukan sekali ini sahaja. Kita tak pernah dengar pun dia buat apa-apa berkenaan dengan orang Cina yang meninggalkan agamanya untuk memeluk agama lain,+ katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa beliau bukan marah kerana orang Cina memeluk agama Kristian tetapi DAP hendaklah menunjukkan sikap yang adil.

+Kalau tak bersetuju, tak bersetuju semualah. Tak bolehlah kepada satu agama saja,+ tambahnya.

Perdana Menteri juga berkata beliau belum lagi mendengar pendapat Kit Siang mengenai keganasan kaum Serbia terhadap penduduk Islam Bosnia.

+Jadi, apakah kalau penindasan dikenakan terhadap orang Islam tidak mengapa tetapi kalau bukan orang Islam baru menjadi satu isu?+ kata Dr Mahathir.--Lagi

♥16/08/18-1 & MST

CNSb3.19

R GB 16-08 00179 BH725

Rah

Mahathir - DAP 3 Alor Setar

Dr Mahathir berkata DAP sebaliknya tidak mengambil apa-apa tindakan apabila penganut agama lain memujuk rayu orang Cina untuk menyertai agama dan ramai juga daripada mereka yang belum cukup umur memeluk agama lain.

Mengenai hasrat DAP untuk berbincang dengan beliau +secara rasional+, Perdana Menteri berkata: +Tak payahlah secara rasional, dia tak pernah rasional pun. .. dia cuma main sentimen perkauman dan sentimen agama .+

Ketika ditanya adakah kerajaan akan memperketatkan undang-undang berikutan kegelisahan penduduk di sekitar kawasan kilang Asian Rare Earth Sdn Bhd (ARE) di Bukit Merah, Ipoh, setelah Mahkamah Agung meluluskan rayuan ARE, Dr Mahathir berkata:

+Yang ini bukan soal memperketatkan undang-undang, ini soal proses undang-undang. Memangnya dalam proses undang-undang kalau Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan, pihak yang berasa tidak puas hati boleh merayu kepada Mahkamah Agung. +

Mahkamah Agung pada 5 Ogos meluluskan rayuan ARE yang memohon penangguhan pelaksanaan perintah Mahkamah Tinggi Ipoh pada 11 Julai, yang mengarahkan ARE menghentikan operasinya di Bukit Merah dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penghakiman. -- Lagi

♥16/08/18-40MST

CNS6524

UGB16-08 00152 BH726

Bah

Mahathir - DAP 4 (Akhir) Alor Setar

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan akan mematuhi keputusan pihak pakar dalam menentukan sama ada kilang ARE berbahaya ataupun tidak kepada penduduk.

+Kita kena pegang kepada kebenaran. Kalau orang yang tidak memihak kepada sesiapa, orang yang berkecuali dan pakar dalam bidang ini membuat laporan dan berkata bahawa kilang ini membahayakan, kita akan patuh.

+Tetapi kalau dia kata tak bahaya, takkan pula kita hendak menidakkan perkara itu kerana kita bukan pakar, + katanya.

Beliau berkata kilang itu telah heberapa kali diperiksa oleh pakar dan ada antara pakar itu yang menyatakan kilang ARE titlak membahayakan.

+Tetapi kalau dipilih-pilih pakar ini, sudah tentu ada yang akan berkata bahawa ia berbahaya kerana pakar ini memang gakar dalam perkara untuk mengutuk semua perusahaan yang kononnya menyebabkan radiasi. Pakar yang semacam itu payah sedikit kita nak terima, + tambahnya. -- Bernama